

**PENGLIBATAN MASYARAKAT ISLAM DALAM
AKTIVITI PELABURAN DI BANK ISLAM
MALAYSIA BERHAD (BIMB) :
SUATU KAJIAN DI BANTING,
SELANGOR**

KAMSUZILAWATI BINTI KAMIN

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2002**

Perpustakaan Universiti Malaya



A511296501

**PENGLIBATAN MASYARAKAT ISLAM DALAM
AKTIVITI PELABURAN DI BANK ISLAM
MALAYSIA BERHAD (BIMB) :
SUATU KAJIAN DI BANTING,
SELANGOR**

KAMSUZILAWATI BINTI KAMIN

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA SYARIAH
BAHAGIAN II
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2002**

ABSTRAK

Investment in Conventional economic has been practiced longer enough better than investment in Islamic economic. For almost 20 years it has been introduced through the establishment of Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), many scholars said that bank were insist on BBA and *Murābahah* (profit-based financing) modes of operations better than *Mudārabah* and *Musyarakah* (equity-based financing) modes of operations although with the profit and loss sharing (PLS), its leads to better exploitation of labour and capital towards a just, stable and efficient society. This study tries to observe and evaluate the performances and the implementation of PLS in BIMB Holdings Berhad. First chapter will describe the meaning of investment in both Conventional and Islamic economic systems. Chapter two will focus on services in BIMB Holdings Berhad which consists of deposit, financing and trades services. Chapter three will highlight the services offered by BIMB Banting branch. Chapter four will analyses of the Banting muslim community in the investment activities of BIMB.

PENGHARGAAN

Segala pujian ke hadrat Allah S.W.T dan kesyukuran ke atasNya di atas segala nikmat dan rahmat yang dilimpahkan. Selawat dan salam buat junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w

Ribuan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat di dalam menyempurnakan kajian ini, terutama kepada penyelia disertasi ini, Dr. Joni Tamkin bin Borhan yang banyak memberikan panduan dan bimbingan sepanjang kajian ini dijalankan.

Terima kasih juga diucapkan kepada keluarga yang banyak memberikan dorongan dan bantuan terutama kepada ibu dan adik tersayang, abang serta kakak di atas segala sokongan kalian.

Terima kasih kepada teman-teman seperjuangan yang banyak memberikan bantuan ketika memerlukan.

Terima kasih kepada :

Mohamad Nordan bin Harun
Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan,
Pejabat Daerah Kuala Langat serta kakitangan

Encik Azam Sajali
Bahagian Perancangan Majlis Daerah Kuala Langat

Encik Anuar Omar
Jabatan Latihan di BIMB Holding Berhad, Kuala Lumpur

Encik Ahmad Shafizi
Pengurus BIMB Cawangan Banting serta kakitangan

serta pihak-pihak lain yang memberikan sumbangan kepada kajian ini samada secara langsung atau tidak.

DAFTAR ISI

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
Abstrak	ii
Penghargaan	iii
Daftar Isi	iv
Senarai Jadual	vii
Senarai Lampiran	ix
Transliterasi	x
Senarai kependekan	xii

PENDAHULUAN

1. Latar Belakang Masalah Kajian	1
2. Kepentingan Kajian	5
3. Objektif Kajian	5
4. Skop Kajian	6
5. Kajian Terdahulu	6
6. Metodologi Kajian	9
6.1 Kaedah Pengumpulan Data	9
6.1.1 Penyelidikan Perpustakaan	9
a) Kaedah Historis	10
b) Kaedah Dokumentasi	10
6.1.2 Temuramah	11
6.1.3 Soal Selidik	12
6.2 Kaedah Analisis Data	12
6.2.1 Kaedah Induktif	12
6.2.2 Kaedah Komparatif	13
6.2.3 Kaedah Penjadualan Dan Carta	13
7. Masalah Di Dalam Melaksanakan Kajian	14

BAB SATU
KONSEP PELABURAN DALAM EKONOMI KONVENSIONAL DAN
ISLAM

1.1 Pendahuluan	15
1.2 Pelaburan Mengikut Perspektif Konvensional	15
1.3 Pelaburan Dalam Sistem Perbankan Konvensional	18
1.3.1 Pelaburan Hutang	18
1.3.2 Pelaburan Ekuiti	23
1.4 Pelaburan Mengikut Perspektif Islam	26
1.5 Pelaburan Dalam Sistem Perbankan Islam	29
1.5.1 Pasaran Wang Islam	30
1.5.2 Pelaburan Pembiayaan	34
1.5.2(a) Pembiayaan Ekuiti	34
1.5.2(b) Pembiayaan Hutang	41
1.6 Perbandingan Antara Pelaburan Konvensional Dan Islam	48
1.7 Kesimpulan	52

BAB DUA
LATAR BELAKANG BIMB

2.1 Pendahuluan	53
2.2 Sejarah Penubuhan Bank Islam	51
2.3 Sejarah Penubuhan Bank Islam Di Malaysia	56
2.4 Perkhidmatan Di BIMB	65
2.4.1 Perkhidmatan Deposit	63
2.4.2 Perkhidmatan Pembiayaan	73
2.4.3 Perkhidmatan Perdagangan Lain	84
2.5 Kesimpulan	85

BAB TIGA
AKTIVITI PELABURAN DI BIMB CAWANGAN BANTING

3.1 Pendahuluan	86
3.2 Latar Belakang Daerah Kuala Langat	86
3.2.1 Pekerjaan	89
3.3 BIMB Cawangan Banting	90
3.4 Penggunaan Perkhidmatan BIMB Cawangan Banting	91
3.4.1 Perkhidmatan Deposit	91
3.4.2 Perkhidmatan Pembiayaan	98
3.4.3 Perkhidmatan Perdagangan Lain	102
3.5 Kesimpulan	104

BAB EMPAT
LAPORAN SOAL SELIDIK

4.1 Pendahuluan	105
4.2 Rangka Kerja Umum Kajian	105
4.3 Latar Belakang Responden	106
4.4 Penglibatan Responden di BIMB	111
4.5 Cadangan Responden	122
4.6 Komentaran Responden	124
4.7 Kesimpulan	126

PENUTUP	127
----------------	-----

BIBLIOGRAFI	132
--------------------	-----

LAMPIRAN	
-----------------	--

SENARAI JADUAL

- 1.1 Pasaran Wang Antara Bank secara Islam 1998-2000.
- 2.1 Pembahagian pembiayaan BIMB untuk tahun kewangan 1983-1984.
- 2.2 Jumlah deposit dan pembiayaan perbankan Islam di Malaysia pada akhir tahun 1998-2000.
- 2.3 Jumlah deposit BIMB 1995-2000 (RM '000).
- 2.4 Pertambahan dan pengurangan deposit BIMB 1995-2000 (RM '000).
- 2.5 Jumlah pendeposit di BIMB 1995-2000.
- 2.6 Jumlah deposit dan pendeposit untuk 1998-2000.
- 2.7 Jumlah pembiayaan di BIMB 1995-2000 (RM '000).
- 2.8 Pertambahan dan pertumbuhan pembiayaan BIMB 1996-2000 (RM'000).
- 2.9 Nisbah deposit dan pembiayaan BIMB dengan perbankan Islam 1999-2000 (RM billion).
- 2.10 Pembiayaan mengikut sektorial oleh BIMB 1995-2000 (RM '000).
- 2.11 Saiz pembiayaan BIMB yang berakhir Disember 1998 (RM '000).
- 2.12 Jumlah pembiayaan mengikut sektor berakhir pada Disember 1998 ('000).
- 3.1 Pembahagian mukim, luas dan penduduk Kuala Langat.
- 3.2 Pekerjaan penduduk Banting.
- 3.3 Jumlah cawangan BIMB di seluruh negara 1995-2000.
- 3.4 Jumlah deposit di BIMB cawangan Banting 1998-2001.
- 3.5 Pertambahan dan pengurangan perkhidmatan deposit 1998-Julai 2001.
- 3.6 Jumlah pendeposit BIMB cawangan Banting 1998-2001.
- 3.7 Perkhidmatan pembiayaan BIMB cawangan Banting 1998-2001.
- 3.8 Taburan pembiayaan pelanggan BIMB cawangan Banting 1998-2001.
- 3.9 Pembiayaan Mmodal kerja secara *Murābahah* untuk tahun 1998-2001.

- 4.1 Kategori responden mengikut umur dan jantina.
- 4.2 Kategori responden mengikut pendidikan.
- 4.3 Kategori responden mengikut pekerjaan.
- 4.4 Kategori responden mengikut penempatan.
- 4.5 Kategori responden mengikut jantina dan pendapatan.
- 4.6 Responden yang mempunyai akaun di BIMB atau tidak.
- 4.7 Jumlah responden yang pernah mendengar mengenai *Mudārabah* dan *Musyārakah*.
- 4.8 Sumber maklumat pelanggan tentang *Mudārabah* dan *Musyārakah*.
- 4.9 Pengetahuan responden tentang *Mudārabah*.
- 4.10 Pengetahuan responden tentang *Musyārakah*.
- 4.11 Kefahaman responden berkenaan prinsip-prinsip Muamalat.
- 4.12 Hubungan antara pelanggan BIMB dengan pengetahuan tentang *Mudārabah*.
- 4.13 Hubungan antara pendidikan dengan pengetahuan tentang *Mudārabah* dan *Musyārakah*.
- 4.14 Hubungan antara penempatan dengan pengetahuan berkenaan pelaburan Islam.
- 4.15 Hubungan antara pekerjaan dengan pengetahuan mengenai pelaburan Islam.
- 4.16 Perkhidmatan yang digunakan oleh responden.

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 1	: Perkembangan Bank Islam Di Peringkat Antarabangsa.
LAMPIRAN 2	: Perkembangan Bank Islam Di Malaysia.
LAMPIRAN 3	: Carta Organisasi BIMB Cawangan Banting.
LAMPIRAN 4	: Carta Penstrukturan Semula BIMB.
LAMPIRAN 5	: Peta Pembahagian Daerah Negeri Selangor.
LAMPIRAN 6	: Borang Soal Selidik.

TRANSLITERASI

Konsonan

ا _____ -

ب _____ b

ت _____ t

ث _____ th

ج _____ j

ح _____ ḥ

خ _____ kh

د _____ d

ذ _____ dh

ر _____ r

ز _____ z

س _____ s

ش _____ sy

ص _____ ṣ

ض _____ ḍ

ط _____ ṭ

ظ _____ ḏ

ع _____ ʿ

غ _____ gh

ف _____ f

ق _____ q

ك _____ k

ل _____ l

م _____ m

ن _____ n

و _____ w

ه _____ h

ء _____ ʾ

ي _____ y

ة _____ t

Vokal

Pendek

_____ a

_____ i

_____ u

Panjang

_____ a

_____ i

_____ u

Diftong

_____ ay

_____ aw

Rujukan : Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi, Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 1992, m.s. 1-2

SENARAI KEPENDEKAN

AIBIM	: Association Institute Banking of Islam Malaysia
BBA	: <i>Bay^ʿ bi Thaman Ājil</i>
BIMB	: Bank Islam Malaysia Berhad
BMMB	: Bank Mualamalat Malaysia Berhad
BNM	: Bank Negara Malaysia
BOCB	: Bank Of Commerce Berhad
BSKL	: Bursa Saham Kuala Lumpur
IAIB	: International Association of Islamic Bank
IBD	: International Development Bank
IIM	: Islamic Interbank Market
IMF	: International Monetary Fund
LUTH	: Lembaga Urusan dan Tabung Haji
Majlis	: Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan untuk Perbankan Islam dan Takaful
OIC	: Organization of Islamic Countries
PLS	: Profit Loss Sharing
PWABI	: Pasaran Wang Antara Bank Islam
S.A.W .	: <i>Ṣallallahu ʿAlaihi Wasallam</i>
S.W.T	: <i>Subḥanahu wa Taʿāla</i>
SPI	: Skim Perbankan Islam
SPK	: Sijil Pelaburan Kerajaan
SPTF	: Sistem Perbankan Tanpa Faedah
UKM	: Universiti Kebangsaan Malaysia



PENDAHULUAN



1. LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) telah dilancarkan pada 14 Mac 1993 oleh Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Namun pada dasarnya usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian telahpun dimulakan lama sebelum itu iaitu dengan penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pada 1963 dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada tahun 1983.

Kajian dibuat ke atas BIMB kerana ia adalah bank Islam pertama Malaysia. Tumpuan akan dikhususkan kepada BIMB cawangan Banting, Selangor dan penglibatan masyarakat Islam di pekan berkenaan terhadap skim pelaburan yang ditawarkan oleh BIMB.

Kajian ini dibuat kerana walaupun setelah beroperasi hampir 20 tahun, didapati pembiayaan BIMB adalah lebih menjurus kepada pelaburan berbentuk pinjaman (hutang) menggunakan instrumen pelaburan seperti *Bay' bi Thaman Ajil* (BBA) dan *al-Murābahah* atau dengan kata lain pembiayaan berbentuk hutang. Pembiayaan berbentuk ekuiti tidak diminati dan ini amat bertentangan dengan pelaburan yang dikehendaki oleh Islam.

Pelaburan diertikan sebagai penanaman modal pada hari ini dengan jangkaan untuk mendapatkan pulangan yang positif pada masa akan datang. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai perbelanjaan terhadap barang yang digunakan

untuk menghasilkan barang lain. Pelaburan akan menambahkan stok modal.¹ Pelaburan melibatkan pembelian apa jua aset atau harta samada aset hakiki, yang boleh dinilai secara fizikal atau aset berbentuk kewangan yang berbentuk nota atau dokumen yang secara fizikalnya tidak dapat memberitahu nilainya seperti sijil-sijil saham dan akaun simpanan yang menawarkan jangkaan pendapatan atau keuntungan modal atau kedua-duanya sekali.²

Pelaburan dalam Islam diambil daripada perkataan Arab iaitu *al-Istithmar* di mana asal perkataan ini ialah *al-thamar*. Mengikut Datuk Dr. Syed Othman al-Habshi, pelaburan Islam adalah melalui penyertaan ekuiti atau berkongsi keuntungan didasarkan atas prinsip *Muḍārabah* dan *Musyārahah*.³ Aktiviti pelaburan ini merupakan salah satu daripada penggunaan atau perbelanjaan harta dengan lebih cekap. Pelaburan dalam Konvensional berbeza dengan Islam kerana pelaburan Konvensional berdasarkan kadar bunga berbanding dengan Islam yang berasaskan perkongsian untung rugi.

Dalam sektor perbankan, prinsip yang menawarkan keadaan sedemikian adalah pelaburan berasaskan prinsip *Muḍārabah* dan *Musyārahah*. *Muḍārabah* secara literalnya terbit daripada perkataan "*ḍarb*" yang bererti berjalan di atas bumi. Ahli Madinah menamakan akad ini sebagai akad "*Muqāraḍah*"⁴ tetapi di kalangan orang-orang Iraq, *Muḍārabah* lebih dikenali sebagai *al-Qirāḍ*. Walaupun namanya berlainan, ia membawa maksud yang sama iaitu pemodal memotong

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Ekonomi*, Kuala Lumpur : DBP, 1993, m.s 17.

² Rosalan Haji Ali, *Pelaburan Penilaian dan Penerapan*, Kuala Lumpur : DBP, 1993, m. s. 3.

³ Abul Hasan M. Sadeq, *Financing Economic Development and Mainstream Approaches*, Selangor : Longman Malaysia, 1992, m. s. 26.

⁴ Syams al-Din al-Sarakhsi, *Kitāb al-Mabsūt*, Juzu' 22, Beirut : Dār al-Maʿrifah, t.t., m.s. 18.

sebahagian daripada hartanya untuk diperniagakan dan pemodal mendapat sebahagian keuntungan daripada perniagaan berkenaan. Secara dasarnya akad ini dinamakan sebagai *Mudārabah* kerana pengusaha mendapat keuntungan daripada usahanya secara berkongsi dengan pemodal.⁵ Dilihat daripada sudut perbankan, *Mudārabah* adalah suatu konsep pembiayaan yang melibatkan bank sebagai pemberi dana atau modal kepada pengusaha dan keuntungan daripada usaha berkenaan dikongsi di antara kedua-duanya berdasarkan nisbah tertentu dengan syarat yang telah dipersetujui bersama.

Musyārahah pula suatu prinsip yang melibatkan perkongsian samada usaha, modal, pengurusan atau idea ke atas sesuatu projek dan keuntungan serta kerugian ke atas projek dikongsi bersama mengikut bahagian mereka di dalam projek berkenaan.⁶ Secara prinsipnya ia merupakan perkongsian di antara dua orang daripada segi tenaga atau modal dengan pembahagian keuntungan 1/2 atau 1/3.⁷ Oleh kerana kedua-dua prinsip ini melibatkan perkongsian untung dan rugi, maka ia adalah lebih adil kepada kedua-dua pihak yang terlibat. Oleh itu, pembiayaan berbentuk ekuiti ini sepatutnya menjadi pilihan kerana ia akan meningkat pengeluaran dan memberikan peluang pekerjaan. Bahkan Allah menggalakkan supaya harta itu dilaburkan dan tidak menyimpannya kerana menyimpannya merupakan pembekuan harta dan tidak produktif. Oleh itu

⁵ *Ibid.*; al-Sayyid Sabiq, *Fiqh al-Sunnah*, j. 3, Beirut : Dār al-Kitāb al-ʿArabī, 1972, m.s. 202.; ʿAlī al-Khafīf, *al-Syirkah fī al-Fiqh al-Islāmī Buḥūth Muqāranah*, Maʿhad al-Dirāsāt al-ʿArabiyyah al-ʿĀliyyah, t.t., m.s. 63.

⁶ Saad al-Harran, *Leading Issues in Islamic Banking and Finance*, Selangor : Pelanduk Publications, 1995, m. s. 2.

⁷ Ibn al-Manzūr, *Lisān al-ʿArab*, j. 10, Beirut : Dār al-Ṣāʾir, m.s. 448-449.; M Umar Chapra, *The Economic System of Islam*, Pakistan : Department of Publication University of Karachi, 1971, m.s. 50.; Monzer Kahl, *The Islamic Economy*, TTP : The Muslim Students' Association of The US and Canada, t.t., m.s. 70-72.

pelaburan dalam Islam lebih kepada konsep dan falsafah perkongsian untung dan rugi kerana pelaburan itu melambangkan persaudaraan, saling membantu dan adil.

Namun dilihat kepada perkembangan BIMB, tumpuan masih lagi diberikan kepada pelaburan berbentuk hutang seperti *Murābahah* dan BBA sejak ia mula diperkenalkan. Konsep *Murābahah* merujuk kepada jualan dengan keuntungan iaitu menjual sesuatu barang dengan harga yang serupa dengan harga yang pertama tetapi ditambah dengan keuntungan.⁸ BBA pula merupakan jualan bayaran tertangguh (Sila lihat Bab Satu 1.5.2(b)) yang digunakan dalam pembiayaan perumahan atau kenderaan. Pada tahun 1989, *Muḍārabah* hanya menyumbangkan 0.05 % deposit daripada keseluruhan deposit berbanding dengan BBA sebanyak 73.8 %. Pada tahun 1996, *Muḍārabah* hanya menyumbang 1% berbanding BBA 67.5 % dan sehingga Jun 2000 saja, *Muḍārabah* menyumbang 4.9% berbanding BBA sebanyak 89.9 %.⁹ Ini merupakan sesuatu yang mendukacitakan. Keadaan ini masih tidak berubah hingga kini di mana perbankan Islam lebih tertumpu kepada sektor penggunaan berbanding sektor perdagangan dan perusahaan. (Sila lihat Bab Dua)

Atas sebab ini penulis tertarik untuk mengetahui sejauh mana pula pelaburan penduduk Islam dalam aktiviti pelaburan di BIMB cawangan Banting. Di dalam kajian ini penulis akan memperkatakan tentang perkembangan bank Islam di peringkat antarabangsa secara ringkas kemudian menjurus kepada BIMB secara menyeluruh serta prestasi perkembangannya. Setelah itu kajian menjurus

⁸ Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 5, Damsyiq : Dār al-Fikr, 1989, m.s. 703.

⁹ BIMB Holdings Berhad, Laporan Tahunan 1989, 1996 dan 2000.

kepada sejarah BIMB cawangan Banting serta prestasinya sepanjang operasinya di Banting.

2. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini adalah penting untuk mengetahui perbezaan di antara pelaburan secara Konvensional dan Islam. Kajian juga penting untuk mengetahui penglibatan masyarakat Islam di BIMB dengan adanya saingan daripada Sistem Perbankan Islam (SPI). Jika penglibatan mereka terhadap bank ini adalah besar, ini menunjukkan mereka mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap nilai Islam di dalam melakukan urusaniaga.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan akan memberi manfaat kepada masyarakat terutama ahli akademik, golongan pelajar, ilmuan serta BIMB sendiri bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan memperbaiki kelemahan yang mungkin ada. Seterusnya, ia juga berkepentingan untuk melatih penulis menghasilkan penyelidikan yang boleh dijadikan bahan rujukan kepada pihak-pihak yang memerlukan.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Penulis memilih tajuk ini berdasarkan beberapa objektif :

1. Mengetahui dengan lebih mendalam mengenai pelaburan secara Konvensional dan Islam supaya dapat dibuat perbandingan di antara kedua-duanya.
2. Mengetahui perkembangan BiMB terutama selepas kegawatan ekonomi 1996-1997 dan pengkhususan dibuat terhadap BIMB cawangan Banting.

3. Mengetahui reaksi masyarakat Islam terhadap penglibatan mereka di BIMB terutama dalam aktiviti pelaburan. Ia diharapkan agar dapat mendedahkan kepada umum tentang arah tuju pelaburan serta sebab-sebab penglibatan mereka.
4. Mengetahui peranan pelaburan BIMB terhadap pelabur daripada segi ekonomi.
5. Memberikan pandangan dan saranan melalui hasil soal selidik yang diperolehi untuk mengetahui sejauh mana penglibatan masyarakat terhadap aktiviti pelaburan di BIMB.

4. SKOP KAJIAN

Penulis menumpukan kajian terhadap sejauh mana penglibatan dan peranan masyarakat Islam di dalam aktiviti pelaburan di BIMB cawangan Banting. Selain itu, ia juga melihat perkembangan aktiviti pelaburan ini dari semasa ke semasa iaitu dari tahun 1995 sehingga 2000. Oleh kerana kajian dibuat di BIMB cawangan Banting, maka sampel hanya terhad kepada penduduk di Daerah Kuala Langat kerana hanya terdapat sebuah BIMB di daerah berkenaan iaitu di bandar Banting.

5. KAJIAN TERDAHULU

Terdapat beberapa buah tesis yang berkait secara tidak langsung dengan tajuk kajian penulis yang di antaranya ialah:

1. “Pelaburan : Peranannya Dalam Pertumbuhan Ekonomi Negara” yang ditulis oleh Mahani Binti Mohamad, latihan ilmiah Jabatan Syariah dan

Ekonomi tahun 2000 dan “Pelaburan dan Tabungan Mengikut Perspektif Islam” oleh Fadzilah Binti Mat Yaman, latihan ilmiah Jabatan Syariah dan Ekonomi tahun 2000. Kedua-dua latihan ilmiah ini mempunyai kaitan langsung dengan kajian yang dibuat terutama untuk memahami pelaburan daripada segi Konvensional dan Islam. Kajian ini banyak membantu ke arah menentukan arah tujuan maksud pelaburan yang boleh dimasukkan di dalam perbankan Islam. Walaupun begitu, kajian ini lebih tertumpu kepada teori sahaja berbanding dengan kajian penulis yang akan menumpukan kepada amalan pelaburan Islam di BIMB cawangan Banting dengan mengambil masyarakat Islam setempat sebagai sampel kajian. Penulis berpendapat, kajian ini adalah lebih berbentuk praktikal pada masa ini.

2. “Dasar-dasar Penubuhan Bank Islam Berasaskan *Mudārabah* dan *Musyārahah* : Realiti dan Kejayaan” oleh Nik Norhasidi Bin Nik Will adalah latihan ilmiah Jabatan Syariah dan Ekonomi tahun 2000. Kajian ini menumpukan kepada bentuk-bentuk pelaburan yang berprinsipkan kepada *Mudārabah* dan *Musyārahah* di Bank Islam. Kajian ini pada dasarnya memberikan manfaat yang besar kepada penulis untuk dijadikan panduan dan kefahaman. Walaupun begitu, kajian ini tidak menumpukan kepada pelanggan Bank Islam terutama yang beragama Islam. Kajian penulis pula adalah sebaliknya.
3. “Bank Islam Malaysia Berhad : Satu Kajian Mengenai Operasi Pelaburan Serta Kesan Kepada Masyarakat” oleh Razali Bin Abd. Rahim, latihan ilmiah Akademi Islam tahun 1989. Kajian ini membantu ke arah

memahami pelaburan yang dibuat dan ditawarkan di BIMB. Namun kajian penulis akan menumpukan kepada pelaburan oleh orang ramai di BIMB dan bukannya pelaburan BIMB dan tumpuan pelaburan akan dibuat ke atas masyarakat Islam setempat di Banting.

4. “Skim Pelaburan Mudharabah : Sambutan Masyarakat dari Persepsi Pihak Pengurusan Terhadap Perlaksanaannya (satu kajian kes di Bank Rakyat)” oleh Hanim Binti Haseni, adalah kertas projek Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya tahun 1996/1997. Kajian ini mengkhusus kepada pelaburan *Muḍārabah* dari persepsi pengurusan Bank Rakyat. Walaupun ia menyentuh mengenai pelaburan *Muḍārabah*, tetapi kajian ini menumpukan kepada pandangan pihak pengurusan terhadap pelaburan masyarakat di dalam skim ini di Bank Rakyat. Ini adalah berlainan dengan kajian penulis yang akan menumpukan kepada pandangan masyarakat dan penglibatan mereka di dalam aktiviti pelaburan yang ditawarkan di BIMB cawangan Banting.

Melihat kepada kajian-kajian terdahulu yang telah dibuat berkaitan dengan tajuk pelaburan dan BIMB, secara kesimpulannya, tidak terdapat lagi satu kajian khusus samada di peringkat Sarjana Muda dan Sarjana yang mengemukakan tentang pelaburan masyarakat Islam di BIMB cawangan Banting. Oleh itu, adalah diharapkan agar kajian ini akan memberikan manfaat kepada semua dengan melihat sejauh mana penglibatan mereka berbanding dengan tempat lain.

6. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi penelitian atau dikenali juga sebagai motod kajian adalah ilmu tentang cara mengadakan penelitian. Ia adalah perkara yang berkaitan dengan cara kerja supaya sesuatu penelitian atau penyelidikan dapat memahami masalah atau perkara yang menjadi objek kajian.¹⁰ Penyelidikan yang dijalankan oleh penulis secara umumnya berasaskan kepada 2 metod berikut:

6.1 Kaedah Pengumpulan Data

6.1.1 Penyelidikan Perpustakaan

Penulis akan membuat beberapa rujukan dan penyelidikan di beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Penulis memerlukan banyak bahan-bahan bacaan meliputi buku-buku ilmiah, kitab-kitab fiqh, majalah-majalah, artikel dan dokumen yang berkaitan samada berbahasa Arab atau Inggeris ataupun bahasa Melayu sendiri. Antara perpustakaan yang akan menjadi tempat rujukan penulis adalah :

- a. Perpustakaan Utama dan Za'ba Universiti Malaya
- b. Perpustakaan Awam Pusat Islam
- c. Perpustakaan Negara
- d. Perpustakaan Bank Negara Malaysia

Di dalam mencari bahan-bahan perpustakaan ini, penulis akan menggunakan 2 kaedah lain iaitu :

¹⁰ Peter A. Angeies, *A Dictionary of Philosophy*, London : Harper and Row Publishers, 1931, m.s. 71.; Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*, Yogyakarta : Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, 1982, m.s. 51.; Koentjaraningat (ed.), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta : PT Gramedia, 1986, m.s. 7.

a) Kaedah Historis

Merupakan penyelidikan yang mengaplikasikan kaedah pemecahan secara ilmiah daripada sudut sejarah tentang sesuatu permasalahan. Pernyataan hari ini biasanya hanya boleh difahami dengan mengkaji masa lepas. Kajian tentang masa lepas boleh dianggap sebagai gerbang yang menentukan kerasionalan kelakuan hari ini.¹¹ Ia merupakan suatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu perkara. Penggunaan metod historis adalah bertujuan untuk mendapatkan data-data yang bernilai sejarah daripada dokumen-dokumen yang berhubung dengan masalah tersebut serta untuk mendapatkan ketepatan tentang sesuatu yang berlaku.

b) Kaedah Dokumentasi

Kaedah ini merupakan cara pengumpulan data dengan melakukan penyelidikan terhadap dokumen-dokumen yang mempunyai hubungan dengan permasalahan yang diselidiki.¹² Dokumen meliputi semua benda bertulis yang dapat memberikan keterangan seperti gambar, kumpulan hukum, peraturan, keputusan penyelidikan, surat-surat peribadi, buku atau catatan harian, memoir, surat khabar dan cerita rakyat adalah termasuk juga ke dalam kategori ini.¹³

¹¹ Morris R. Cohen & Ernest Nagel, *An Introduction To Logic And Scientific Method*, London : Routledge & Kegan Paul Ltd., t.t., m.s. 323.

¹² Gerald S. Ferman & Jade Levin, *Social Sciences Research*, USA : John Wisley and Sons, 1975, m.s. 62.

¹³ Imam Barnadib, *op. cit.*, m.s. 55.

Di dalam melakukan pengumpulan data ini, penulis akan menggunakan data-data yang primer seperti al-Quran, hadith Rasulullah, pendapat ahli-ahli perundangan dan ekonomi Islam serta ilmuan Islam. Ini terutamanya di dalam bab satu yang menerangkan tentang pelaburan dari segi Konvensional dan Islam samada yang berbahasa Inggeris atau kitab-kitab berbahasa Arab yang akan menyokong kajian ini. Selain itu penggunaan risalah-risalah dan laporan tahunan daripada institusi kewangan terutama BIMB juga digunakan untuk memberikan data-data berkaitan dengan pelaburan. Kaedah ini akan digunakan terutamanya di dalam bab dua dan tiga. Pengumpulan data sekunder juga dilakukan melalui buku-buku rujukan yang berbentuk terjemahan bagi mendapatkan kefahaman yang lebih jelas terutamanya dalam membincangkan bab pelaburan.

6.1.2 Temuramah

Penulis akan menggunakan teknik temuramah tak terarah untuk memastikan penulis mendapat gambaran menyeluruh mengenai aktiviti pelaburan responden di Bank Islam. Kaedah ini akan digunakan oleh penulis di bab tiga dan empat.

Penulis akan menemuramah pengurus BIMB cawangan Banting, Encik Ahmad Shafizi serta kakitangan lain yang dapat membantu mendapatkan maklumat yang berkaitan. Perkara yang ditanya di dalam temuramah adalah sejarah BIMB cawangan Banting serta beberapa maklumat tentang pelanggan yang berkaitan.

6.1.3 Soal Selidik

Penulis akan menggunakan borang soal selidik untuk mengetahui penglibatan responden terhadap pelaburan di BIMB. Responden terdiri daripada pelanggan-pelanggan BIMB dan bukan pelanggan. Sebanyak 100 borang soal selidik akan diedarkan. Tiada kriteria tertentu di dalam pemilihan responden dan pemilihan dilakukan secara rawak terhadap penduduk di Daerah Kuala Langat.

6.2 Kaedah Analisis Data

Di dalam menganalisis data, penulis akan menggunakan dua metod analisis data iaitu :

6.2.1 Kaedah Induktif

Metod ini adalah suatu cara penganalisaan data melalui pola berfikir yang memberi pembuktian daripada hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang bersifat umum.¹⁴ Metod ini digunakan di dalam menganalisis soal selidik di mana kesimpulan dibuat daripada data-data yang diperolehi sebagai hasil pandangan keseluruhan pelanggan. Ini kerana secara dasarnya induktif membina dasar keseluruhan permasalahan.¹⁵ Kaedah ini akan digunakan oleh penulis di bab tiga dan empat.

¹⁴ S.F. Baker, *Induction and Hypothesis*, New York : Cornell University Press, 1957, m.s. 49.; Andrew H. Bachhuber, S.J., *Introduction To Logic*, New York : Appleton-Century-Crofts Inc., 1957, m.s. 52.

¹⁵ Andrew H. Bachhuber, *op. cit.*, m.s. 52.

6.2.2 Kaedah Komparatif

Ia merupakan cara membuat kesimpulan dengan membandingkan segala data dan maklumat yang diperolehi semasa membuat penelitian. Segala data yang diperolehi dikumpulkan dan dibandingkan secara adil dan saksama untuk dibuat kesimpulan.¹⁶ Metod ini bertujuan untuk membezakan di antara data-data yang bersifat universal dan spesifik. Ini kerana tidak terdapat satu fenomena yang boleh diasingkan dan dikaji tanpa dibuat perbandingan dengan suatu fenomena yang lain.¹⁷ Penulis akan menggunakan metod ini di dalam bab dua, tiga dan empat dengan membuat perbandingan di antara prinsip pelaburan ekuiti iaitu *Mudārabah* dan *Musyārahah* dengan pelaburan hutang seperti BBA dan *al-Murābahah* yang digunakan oleh responden.

6.2.3 Kaedah Penjadualan Dan Carta.

Metod ini memudahkan penganalisaan seterusnya di samping dapat menyalurkan maklumat secara jelas kepada pembaca. Penggunaan jadual akan menjelaskan maklumat sesuatu peratusan tertentu, manakala carta pula akan menjelaskan tentang peratusan berkenaan secara lebih jelas lagi. Secara dasarnya metod ini memberikan kemudahan untuk memahami sesuatu fakta, walaupun terdapat pelbagai cara lain lagi yang boleh digunakan.¹⁸

Penganalisaan data daripada borang soal selidik dilakukan secara manual sahaja. Selain menganalisa peratusan responden bagi satu-satu jawapan, *cross-*

¹⁶ Michael Armer & Allen D. Grimham, *Comparative Social Research : Methodological Problem and Strategies*, New York : John Wilen & Sons, L.L., m.s. 5.

¹⁷ Else Oyen, "The Imperfection of Comparisons", *Comparative Methodology : Theory and Practice In International Social Research*, TTP : Sage Publication, 1990, m.s. 3-4.

¹⁸ Stephen F. Barker, *The Element Of Logic*, TTP : Mc Graw Hill Inc., 1989, m.s. 87.